

R B402 DEB

MAHATHIR - PAS

BAGAN SERAI, 27 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMMAD MENYELAR DAN MENYIFATKAN PAS SEBAGAI PARTI YANG TIDAK MEMPUNYAI PRINSIP PERJUANGAN DAN BERGERAK ATAS ARAHAN BARISAN PEMIMPIN MUDANYA YANG SOMBONG DAN ANGKUH.

BARISAN MUDA PEMIMPIN PARTI ITU BUKAN SAHAJA TIDAK BERPRINSIP MALAHAN TIDAK TAHU MENGENANG BUDI PENGASAS DAN PEJUANG PARTI TERSEBUT SEBELUM MEREKA, KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA +INILAH JENIS PEMIMPIN PAS YANG SOMBONG DAN ANGKUH MANAKALA PARA PENGIKUT MEREKA MENURUTI SAHAJA PERINTAH SEPERTI DICUCUK HIDUNG,+.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA DEMIKIAN PADA MAJLIS JAMUAN MALAM +JASA MU DIKENANG+ ANJURAN UMNO BAHAGIAN BAGAN SERAI BAGI MENGENANG JASA PEJUANG MALAYAN UNION DARI DAERAH INI DI SINI MALAM TADI.

KATANYA PEMIMPIN BERKENAAN BUKAN SAHAJA MENOLAK JEMPUTAN UNTUK BERBEMUKA ATAU BERJUMPA BAGI MENYELESAIKAN MASALAH YANG DIHADAPI, BAHKAN JUGA MENGHASUT PEMIMPIN-PEMIMPIN LAIN SUPAYA JANGAN MENEMUI UMNO. -- LAGI

1046MST 27 06 86

D884

U B404 DEB

MAHATHIR - PAS 2 BAGAN SERAI

BELIAU MENAMBAH KATA +BILA KITA MENGAJAK DIADAKAN MUZAKARAH, MEREKA KATA IA TIDAK PERLU DIADAKAN. KEMUDIAN MEREKA KATA SANGGUP BERMUZAKARAH DENGAN SYARAT IA DISIARKAN MELALUI TELEVISYEN BAGI MENCAPAI KEPENTINGAN MEREKA DAN BUKAN UNTUK Mencari Kebenaran Atau Menyelesai Masalah+.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYIFATKAN PERJUMPAAN PARTI TERSEBUT DENGAN MASYARAKAT BUKAN MELAYU MELALUI MAJLIS-MAJLIS KERJASAMA YANG DITUBUHKAN SEBAGAI TIDAK JUJUR KERANA IA BERMOTIFKAN KEPENTINGAN POLITIK LAIN.

KETIDAK-JUJURAN ITU SEMAKIN JELAS APABILA MEREKA SANGGUP BERJANJI APA SAHAJA SEMATA-MATA KERANA PILIHAN RAYA SUNGGUHPUN INI BERERTI MENGGADAI HAK DAN MARUAH BANGSA MELAYU, KATANYA.

BELIAU BERKATA UMNO MEWUJUDKAN KERJASAMA DENGAN MASYARAKAT BUKAN MELAYU SEJAK AWAL-AWAL LAGI KERANA MENYEDARI KEADAAN MASYARAKAT PELBAGAI KAUM DAN AGAMA DI NEGARA INI. -- LAGI

1055MST 27 06 86

D885

U B405 DEB

MAHATHIR - PAS 3 BAGAN SERAI

MENGENAI PERJUANGAN, PRESIDEN UMNO ITU MENEGASKAN BAHAWA PERJUANGAN YANG SEBENAR MEMBABITKAN PENGORBANAN MASA, TENAGA, WANG RINGGIT DAN NYAWA SEKALI PUN BAGI KEPENTINGAN YANG LEBIH MENYELURUH.

SERAMAI 34 TOKOH VETERAN DAN PEJUANG MALAYAN UNION MENERIMA ANUGERAH MASING-MASING PADA MAJLIS ITU DARIPADA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMMAD ALI, MENTERI BESAR DATUKSERI RAMLI NGAH TALIB DAN TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA DATUK HAJI ZAINAL ABIDIN ZIN SELAKU KETUA UMNO BAHAGIAN ADALAH DI ANTARA KIRA-KIRA 2,200 ORANGYANG HADIR PADA MAJLIS ITU.-- BERNAMA
1057MST 27 06 86